

Headline	Komitmen 50peratus keluasan hijau		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	22 Mar 2021	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	20	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	526 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 20,642
Frequency	Daily	PR Value	RM 61,926



Komitmen 50% keluasan hijau

Bernama

Kuala Lumpur

Dasar Perhutanan Malaysia akan menjadi rujukan dan panduan kepada dasar perhutanan negeri di Semenanjung, Sabah dan Sarawak, kata Menteri Tenaga dan Sumber Asli Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah.

Beliau berkata, penggubalan dasar berkenaan adalah manifestasi komitmen negara dalam melaksana pengurusan hutan secara berkekalan.

“Ia adalah agenda utama dalam negara dan prinsip dipegang di peringkat antarabangsa,” katanya dalam ucapan aluan sempena Majlis Pelancaran Dasar Perhutanan Malaysia dan Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2021 di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia di sini, semalam.

Shamsul Anuar berkata, Dasar Perhutanan Malaysia dipersetujui semua kerajaan negeri pada mesyuarat Majlis Tanah Negara ke-78 pada 29 Januari lalu.

Beliau berkata, dasar itu melalui proses rundingan antara tiga wilayah iaitu Semenanjung, Sabah dan Sarawak sejak 2016.

Selain itu, beliau berkata, mesyuarat berkenaan juga bersetuju dengan Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia bagi menggantikan Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992) yang terpakai di Semenanjung.

“Ketiga-tiga dasar perhutanan wilayah iaitu Dasar Hutan Sabah, Dasar Hutan Sarawak dan Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia yang memberi tumpuan kepada pengukuhan pengurusan hutan secara berkekalan menjadi sebahagian

daripada Dasar Perhutanan Malaysia,” katanya.

Sementara itu, Shamsul Anuar berkata, selain daripada pelancaran Dasar Per-

hutanan Malaysia, kementerian juga berjaya melaksanakan beberapa pencapaian dalam sektor perhutanan walaupun negara bergelut

dengan pandemik Covid-19.

Antaranya ialah Agenda Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 juta pokok dan penanaman 18.75 ju-

ta pokok di seluruh negara pada tahun lalu.

Selain itu, pencalonan Bukit Bendera, Pulau Pinang sebagai tapak rizab biosfera di bawah program Man and the Biosphere (MAB), Unesco, pencalonan Taman Negara Johor Endau Rompin sebagai Asean Heritage Park ke-4 di Malaysia serta penghantaran pulang sembilan Orang Utan ke Indonesia selain penetapan Catuan Tebangan Tahunan (CTT) untuk negeri-negeri bagi tempoh 2021 hingga 2025.

Beliau juga memberi jaminan komitmen kerajaan bahawa pelbagai inisiatif dan program mengenai pemuliharaan hutan dan biodiversiti akan terus dipergiat, diperbaiki dan diper-

kukuhkan dari semasa ke semasa.

“Tumpuan khusus akan diberikan kepada Agenda Nasional Penghijauan Malaysia bagi meningkatkan pemuliharaan hutan menerusi aktiviti penanaman pokok, rehabilitasi dan restorasi kawasan hutan terosot dengan kerjasama kerajaan negeri di bawah Rancangan Malaysia ke-12,” katanya.

Beliau juga mengulangi komitmen kerajaan menge-

kalkan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keluasan tanah negara sebagai hutan dan litupan pokok seperti diikrarkan ketika Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro, Brazil pada tahun 1992.

Katanya, litupan kawasan berhutan di Malaysia pada masa ini ialah 55.3 peratus meliputi kawasan seluas 18.27 juta hektar daripada keluasan tanah negara.

“Justeru, keluasan kawasan berhutan berkenaan wajar dipelihara dan dipulihara oleh kita semua,” katanya.

& Sarawak




Ketiga-tiga dasar perhutanan wilayah iaitu Dasar Hutan Sabah, Dasar Hutan Sarawak dan Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia yang memberi tumpuan kepada pengukuhan pengurusan hutan secara berkekalan menjadi sebahagian daripada Dasar Perhutanan Malaysia”

Dr Shamsul Anuar Nasarah

Headline	Komitmen 50peratus keluasan hijau		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	22 Mar 2021	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	20	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	526 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 20,642
Frequency	Daily	PR Value	RM 61,926

Dasar Perhutanan Malaysia jadi panduan Semenanjung, Sabah



MUHYIDDIN berucap pada Majlis Pelancaran Dasar Perhutanan Malaysia sempena Sambutan Hari Hutan Antarabangsa peringkat kebangsaan tahun 2021 di Taman Botani Kepong, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), semalam.